

**PEMBIKAIAN CERITA NOVEL SAYANGKU PUTERI
KARYA ABU HASSAN MORAD
[STORY FRAMING OF NOVEL SAYANGKU PUTERI BY ABU HASSAN
MORAD]**

Abdul Ghani Hj.Abu

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perak, Malaysia
a.gani@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Novel ini menjadi fokus makalah ini disebabkan penggunaan alat pembikaaian cerita (story framing device) melalui suratsurat yang ditulis. Makalah ini memperlihatkan bagaimana plot novel ini dapat difahami melalui luahan rasa watak utama Julia dalam surat-surat beliau. Novel ini boleh dikategorikan sebagai novel epistolari merangkumi penceritaan menerusi alat pembikaaian atau framing device melalui dokumen-dokumen seperti surat. Satu kelebihan penggunaan teknik ini ialah keupayaannya untuk menambahkan aspek realisma kepada sesuatu karya. Pembaca berfikir seolah-olah ianya adalah satu kisah benar yang telah terjadi. Ini adalah daya tarikan novelnovel epistolari yang agak popular bermula dalam kurun ke lapan belas. Antara penulis-penulis Barat yang menggunakan teknik ini adalah Jane Austen dalam karya agung beliau *Pride and Prejudice*. Perbincangan makalah ini juga melibatkan tema dan persoalan terpilih dari novel yang amat menarik ini. Antaranya ialah kasih sayang, semangat tidak mudah mengalah dan persahabatan yang menjadi nilai-nilai sejagat.

Katakunci: Alat pembikaaian cerita, Epistolari, Realisma, Nilai sejagat

ABSTRACT

*This novel becomes the focus of this article because of the usage of the framing device through the letters. The article describes how the plot of the novel can be understood by reading what was written by the main character Julia in her letters. Generally, this novel can be categorized as an epistolary novel since it tells the story through framing devices such as letters. One advantage of employing this technique was to add a sense of realism in the writing. It made the readers think it was really a true story. This is the main attraction of epistolary novels which was popular starting from the 18th century. Among western writers who had used this technique was Jane Austen in her great work, *Pride and Prejudice*. The discussion in this article includes selected themes and issues of this interesting novel. Among the issues discussed are love, perseverance and friendship which are universal values.*

Keywords: Story framing device, Epistolary, Realism, Universal values

PENGENALAN

Secara ringkasnya novel yang menjadi fokus makalah ini ialah novel ke sembilan belas karya Abu Hasan Morad. Novel ini yang diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Novel yang boleh dikategorikan sebagai novel bacaan dewasa ini telah diterbitkan pada tahun 2005 dan dijual dengan harga sekitar Ringgit Malaysia lima belas ringgit. Novel ini agak menarik dengan penggunaan alat pembikaaian cerita (story framing device) melalui surat-surat yang ditulis. Walaupun tidak keseluruhannya melalui surat-surat hasil nukilan watak utama Julia, plot novel ini dapat difahami melalui tulisan Julia dalam semua surat-surat beliau. Terdapat tujuh belas helai keping surat kesemuanya. Surat-surat ditulis oleh Julia untuk tatapan anaknya dan juga untuk dibaca oleh Geena. Geena, pembantu peribadinya yang menerima surat-surat ini dari Julia membaca kesemua surat-surat itu. Kandungan surat-

surat tersebut sangat dekat dengan beliau kerana banyak intipatinya berkait rapat dengan hal peribadi Geena. Penceritaan melalui surat-surat ini agak unik sedikit jika dibandingkan dengan penceritaan melalui diari contohnya. Di dalam karya penulis barat memang telah ramai yang memilih untuk menggunakan teknik ini, namun untuk karya-karya tempatan saya dapati masih lagi tidak banyak.

Novel yang lahir melalui teknik begini umumnya dikategorikan sebagai novel epistolari. Novel epistolari merangkumi penceritaan menerusi alat pembikaaian atau framing device melalui dokumendokumen seperti surat, diari, petikan akhbar dan sebagainya. Ada juga pihak yang menambah rakaman radio audio mahupun rakaman video juga sebagai medium untuk melahirkan karya. Ini sudah semakin diterima umum walaupun pada asalnya perkataan epistolary adalah dari bahasa Latin yang bermakna surat. Satu kelebihan penggunaan teknik ini ialah keupayaannya untuk menambahkan aspek realisma kepada sesuatu karya. Secara tidak langsung ia menjadikan karya sebegini dekat di hati pembaca kerana karya itu seolah-olah ianya adalah satu kisah benar yang telah terjadi pada seseorang. Ini adalah asas daya tarikan novel-novel epistolari yang agak popular bermula dalam kurun ke lapan belas. Penulis-penulis Barat yang pernah menggunakan teknik penulisan novel epistolari termasuklah Jane Austen dalam karya agung beliau *Pride and Prejudice*. Dalam karya beliau ini, beliau telah menggunakan alat pembikaaian (framing device) melalui surat-surat yang amat signifikan terhadap perjalanan plot cerita berkenaan (Austen, 1995).

Plot di dalam Novel Sayangku Puteri

Penulis novel ini telah merangka dengan kemas perkembangan plot melalui penulisan surat-surat oleh watak utamanya, Julia. Perkembangannya tersusun dan mengikut urutan. Oleh kerana plotnya tersusun sebegini, kebercambahan plot agak terbatas. Ini bukanlah kelemahan novel ini tetapi ianya mengurangkan kompleksiti plot dalam novel. Untuk sesetengah pembaca, ianya

adalah bagus kerana tidak memerlukan analisis yang banyak untuk memahami apa yang tersurat dan tersirat. Namun, untuk sesetengah pembaca ianya tidak menjadi satu bahan bacaan yang menguji kecerdasan minda. Oleh sebab itu saya boleh kategorikan novel ini sebagai satu bacaan ringan untuk pembaca dewasa. Plot novel ini berkisar rapat atau berkaitan dengan watak utama iaitu Julia yang diserang penyakit kanser usus (ms 58). Pada mulanya, beliau hanya tahu mengenainya apabila mengambil ujian kolonoskopi (ms 72). Doktor yang merawat beliau mendapati sedikit ketumbuhan di bahagian usus kecil.

Julia berkahwin dengan seorang Cina yang memeluk agama Islam. Walaubagaimanapun, tiada butiran lanjut mengenai nama yang diberi, cuma nama ringkas sahaja yang dinyatakan oleh penulis iaitu Jun. Agak janggal sedikit jika ini adalah nama ringkas dari nama seorang lelaki (ms 64) dan "...seorang pemuda daripada keturunan Cina, yang belum mama faham adat dan budaya mereka"(ms 41). Di dalam novel ini memang agak menghairankan kerana tidak banyak yang diceritakan mengenai suami Julia yang bernama Jun ini kecuali maklumat tambahan seperti beliau banyak bergaul dengan orang Melayu semasa kecil dan bersekolah di sekolah Melayu sebelum melanjutkan pelajaran ke Australia. Beliau yang mempunyai empat adik-beradik mempunyai seorang kakak yang meninggal kerana kanser (ms 102). Mungkin juga ini adalah strategi penulis untuk tidak mengalih tumpuan pembaca lari dari watak utama. Satu lagi kebarangkaliannya ialah butir-butir lanjut mengenai suaminya ini ada terdapat di dalam novel lain karya penulis. Berbalik kepada watak utama di dalam novel ini, walaupun Julia sedang mengandung, beliau tidak mahu menggugurkan anak yang bakal dilahirkan walaupun ianya mungkin membahayakan nyawa bayi dan mungkin nyawa beliau sendiri akhirnya;

"Kemoterapi atau radioterapi ... membahayakan kandungan kerana kadar radiasi yang tinggi. Janin mungkin cacat. Mereka mencadangkan supaya saya gugurkan kandungan ini..." (ms 157).

Tetapi Julai tetap berdegil dan enggan berbuat demikian. Bagi Julia, apabila seseorang itu ditimpa dengan sebarang musibah penyakit, ianya adalah satu dugaan yang perlu diatasi dengan apa jua cara kerana itu semua adalah daripada Tuhan. Mungkin sebagai seorang hambaNya kesabaran menghadapi dugaan itu adalah sebagai satu manifestasi pengabdian yang kudus terhadap pencipta-Nya. Adalah menjadi satu keajaiban juga apabila anak Julia selamat dilahirkan dan dijaga oleh Mak Lang Tom di Kampung Kubang Badak, Ayer Hangat (ms 58). sementara Julia mendapatkan rawatan untuk penyakit kansernya di Hospital Bumrungrad, Bangkok (ms 57). Menurut perkiraan Julia, beliau perlu tabah di samping berusaha mencari jalan mengubati penyakitnya. Nasib menyebelahi Julia apabila emak saudaranya sanggup menjaga bayi Julia semasa Julia berada di negara jiran. Surat-surat coretan Julia menceritakan perjalanan hidupnya sepanjang menderita penyakit kanser bagaikan ianya adalah diari kehidupannya. Beliau juga menulis mengenai perkembangan syarikat perniagaan keluarga. Julia juga menulis mengenai harapan dan doanya terhadap Geena, pembantunya yang setia.

Ringkasan isi kandungan surat-surat Julia

Surat 1: Anaku – Saat Manis Perkahwinan (ms 1 – ms 28) (Minggu Kedua September 2002)

Kandungan surat ini menceritakan kenangan Julia bernikah dengan Jun di Felda Guar Napai, Kedah. Yang menariknya, hari perkahwinan Julia berlangsung serentak dengan perasmian projek percutian berkonsepkan desa pelancongan atau homestay. Kaedah pelancongan ini menjadi projek ekonomi besar bagi syarikat Julia dan suami iaitu BMPRO Travel & Tours dan Cinta Sejati Travel & Tours melalui kerjasama persatuan belia Felda Guar Napai bertujuan untuk menambahkan pendapatan penduduk kampung. Yang menjadi kenangan seumur hidup Julia ialah apabila Perdana Menteri menepung tawar kedua-dua mempelai dan apabila Julia jatuh pengsan mungkin disebabkan keletihan.

Surat 2: Anakku – Nasihat Mama (ms 29 - ms 38) (Minggu Kedua September 2002)

Surat kedua Julia juga menceritakan perjalanan majlis perkahwinan beliau. Julia menceritakan agak sukar untuk meyakinkan penduduk kampung pada mulanya mengenai kepentingan dan keuntungan menjalankan projek homestay itu. Kenangan perjalanan aktiviti bersama pelancong asing menjadi kenangan yang tidak mudah untuk dilupakan menurut Julia. Kelebihan Jun yang berbangsa Cina pula ialah dapat menarik minat pelancong dari China, Jepun, Korea dan Taiwan untuk datang menyertai projek homestay mereka.

Surat 3: Anakku – Perjalanan Pulang (ms 29 – ms 61) (Minggu Kedua September 2002)

Surat ketiga Julia ini agak panjang. Ia menceritakan perjalanan balik Julia ke Kuala Lumpur setelah selesai melaksanakan pelancaran program homestay di Kedah. Beliau juga menuliskan kenangan beliau mula-mula berkahwin dengan Jun. Kerana kesibukan mereka, Julia masih tidak sempat pergi berbulan madu. Geena mencadangkan mereka pergi ke Pulau Langkawi. Dalam surat ini juga Julia menuliskan perasaan beliau terhadap Geena yang bagi beliau lebih dari seorang pembantu peribadi.

Surat 4: Anakku – Bersama Keluarga (ms 62 – ms 69) (Minggu Kedua September 2002)

Kandungan surat masih lagi mengenai perjalanan balik Julia dan Geena ke ibu kota. Di pertengahan jalan, Julia mengalami sakit di bahagian kiri perut beliau. Genna membawa Julia singgah di klinik. Waktu inilah beliau dicadangkan mengambil ujian kolonoskopi (ms 66).

Surat 5: Anakku – Mama Kembali Sibuk (ms 70 – ms 80) (Minggu Kedua September 2002)

Di dalam surat ini Julia menceritakan perasaan bersalah beliau apabila merahsiakan urusan pemeriksaan di klinik Dr Maria. Waktu inilah juga Julia dimaklumkan bahawa beliau mempunyai sedikit ketumbuhan di usus kecil. Ujian lanjut akan dibuat menurut kata Dr Maria. Selain itu, Julia meneruskan kerja-kerja pejabat memantau perjalanan projek homestay di Kedah.

Surat 6: Anakku – Penyakit Misteri (ms 81 – ms 91) (Minggu Pertama Oktober 2002)

Berita penting bagi Julia tertulis di dalam surat ini. Kemungkinan besar beliau perlu menjalani ujian biopsi pula setelah ujian makmal menunjukkan kemungkinan usus Julia telah dijangkitisel kanser. Namun, berita ini masih dirahsiakan dari pengetahuan Jun. Julia dan Jun akhirnya ke Langkawi untuk berbulan madu sambil meninjau peluang perniagaan di Langkawi. Sakit Julia berulang, kerana itu beliau di bawa ke hospital Langkawi untuk pemeriksaan. Berita penting bagi Julia ialah Dr Fadilah yang memeriksa Julia mendapati Julai hamil.

Surat 7: Anakku – Subuh Yang Bening (ms 92 – ms 105) (Minggu Kedua Oktober 2002)

Di dalam surat ini Julia memberitahu pembelian sebuah banglo di Langkawi sebagai pejabat dan rumah sekeluarga. Setelah selesai kenduri Julia kembali merasa tidak sihat. Keesokannya, Julia dibawa kehospital. Jun masih tidak tahu penyakit sebenar isterinya.

Surat 8: Anakku – desir Ombak (ms 106 – ms 121) (Minggu Kedua Oktober 2002)

Waktu di hospital Jun baru tahu keadaan sebenar Julia. Julia juga perlu dibedah bagi membuang bahagian yang membengkak di dalam usus. Proses ini penting untuk mengelak sel kanser dari merebak ke bahagian lain badan. Pembedahan kecil kemudiannya

dijalankan walaupun nenek tidak menyukainya. Di samping itu, perniagaan BMPRO berkembang dengan penubuhan anak syarikat BMPRO Properties untuk industri hartanah di Langkawi dan Bukit Kayu Hitam.

Surat 9: Anaku - Hikmah Ramadhan (ms 122 – ms 135) (Minggu Ketiga November 2002)

Kerana faktor kesihatan Julia lebih banyak berehat di Langkawi sambil mengawasi perniagaan syarikat dari sana. Geena pula mula ingin mencuba berpuasa. Ramai ahli keluarga datang melawat Julia termasuk ibu dan bapa Jun.

Surat 10: Anaku – Putaran Masa (ms 136 – ms 153) (Minggu Kedua Disember 2002)

Kandungan surat Julia ini banyak memperkatakan tentang gaya hidup sihat. Julia juga menceritakan tentang nenek yang berjauh hati dengan Julia. Mungkin kerana Julia bersetuju untuk dibedah. Julia juga menceritakan usaha untuk menubuhkan koperasi membantu kaum wanita di Langkawi terutamanya. Julia juga menulis pengalaman bermesyuarat dengan kaum wanitadi Langkawi. Mesyuarat ditunda keranaramai tidak dapat hadir disebabkan menonton cerita hindustan.

Surat 11: Suamiku – Batas-Batas Kesabaran (ms 154 – ms 167) (Minggu Kedua Disember 2002)

Julia mencatatkan dalam surat ini bahawa ketika ini beliau diberitahu kemungkinan sel kanser sudah merebak ke bahagian lain dalam badan terutamanya hati. Saat ini adalah kritikal kerana jika disahkan begitu, rawtan kemoterapi dan radioterapi terpaksa dijalankan. Kedua-dua prosedur perubatan ini membahayakan kandungan kerana kadar radiasi yang tinggi. Sewaktu ini Julia menghadapi dilema yang besar. Julia dicadangkan menggugurkan kandungan kerana janin berkemungkinan akan cacat.

Surat 12: Puteriku – Nusa Puteri Julia (ms 168 – ms 178) (Minggu Kedua Januari 2003)

Julia sangat gembira kerana projek dengan Kementerian Pelancongan hampir menjadi kenyataan. Sementara itu, penubuhan koperasi juga hampir menjadi kenyataan. Kompleks Mutiara yang diambilalih oleh BMPRO menjadi lebih maju sekarang.

Surat 13: Geena – Sahabatku Pasrah (ms 188 – ms 201) (Minggu Ketiga Februari 2003)

Julia menceritakan peristiwa di mana beliau tersinggung dengan sikap nenek yang masih lagi mahu Julia menurut sahaja pendapatnya. Sambil itu dalam usaha untuk mengubati penyakitnya, Julia dan Jun bersetuju Julia pergi ke Bangkok. Hospital Bumrungrad terkenal dalam rawatan kanser. Surat 14: Puteriku – Kembali Bertaut)ms (Minggu Ketiga Mac 2003)

Di dalam surat ini Julia sedang menerima rawatan di Hospital Bunrungrad. Jun berada di Beijing. Julia terus pergi berehat di Langkawi selepas menerima rawatan di hospital kanser itu. Malangnya nenek masih lagi berkeras hati dengan Julia. Ini amat menyedihkan Julia yang mengharapkan restu nenek dalam menangani penyakitnya sekarang.

Surat 15: Geena Sahabtku – Hati ke Hati (ms 211 – ms 215) (Minggu Ketiga Mei 2003)

Julia yang masih berada di Langkawi berusaha menjalani rutin harian tanpa Geena yang pulang ke Kuala Lumpur menghadiri majlis perkahwinan kakaknya. Geena juga telah menjadi anak angkat Haji Ahmad dan Hajah Salmah dari Ayer Hangat.

Surat 16: Pueriku – Pelangi Senja (ms 216 ms 220) (Minggu Pertama Julai 2003)

Perjalanan syarikat seperti biasa. Masih lagi sibuk dengan pelbagai urusan. Detik penting dalam surat ini ialah apabila Julia melahirkan Nusa Puteri Julia jam 10.50 malam, hari Sabtu 12 Julai 2003. Jun berada di sisi Julia ketika itu.

Surat 17: Kekasihku – Seribu Wajah 9 (ms 221 – ms 223) (Minggu Keempat Julai 2003)

Julia gembira bayi yang dilahirkan sihat sejahtera. Julia gembira kerana doanya supaya Puteri selamat dilahirkan telah dimakbulkan oleh tuhan. Pada akhir surat Julia meminta Jun mengahwini Geena demi kepentingan anak mereka, Puteri. Kenyataan akhir Julia ini sangat merisaukan Geena walaupun dari satu segi beliau sangat gembira bahawa Julia memandang tinggi terhadap dirinya. Permintaan Julia supaya dia mengahwini Jun sekiranya Julia tidak dapat dirawat sangat menyedihkan Geena. Sebanyak tujuh belas helai keping surat dituliskan dalam satu jangkamasa yang agak panjang juga. Surat pertama ditulis di dalam minggu kedua September 2002, manakala surat yang terakhir ditulis dalam minggu keempat bulan Julai 2003. Semua surat-surat ini ditulis dalam masa hampir setahun – 42 minggu keseluruhannya. Tajuk-tajuk setiap surat ini adalah gambaran kehidupan yang berlaku kepada watak-watak yang terdapat di dalam novel terutamanya watak utama pada satu-satu masa.

Oleh kerana perkembangan plot adalah melalui penulisan surat, dapati pertambahan watak untuk menjadikan cerita ini lebih menarik menjadi terbatas. Tambahan pula adakalanya penceritaan perjalanan contohnya bersambung dalam dua helai keping surat. Ini agak tidak praktikal dan realistik dalam kehidupan kita. Jarang orang menulis surat ada siri sambungan. Ini bagi saya mungkin disebabkan terlepas pandang oleh penulis.

Tema dan persoalan terpilih novel Sayangku Puteri

Ada beberapa tema dan persoalan yang akan dibincangkan dalam kertas kerja ini, antaranya ialah persoalan kasih sayang antara

sesama insan, semangat tidak mudah mengalah dan persahabatan. Semua ini adalah nilai-nilai sejagat yang ada dalam semua masyarakat di dunia ini. Cuma cara dan bagaimana mungkin agak berbeza dalam garapannya.

a. Persoalan Kasih Sayang Antara Sesama Insan

Ini adalah salah satu tema yang sangat popular dalam sesebuah novel. Tema kasih sayang ini amat universal dan begitu mengujakan untuk dibicarakan. Begitu juga dengan novel ni yang tidak terkecuali untuk memasukkan tema yang serupa. Namun, ianya menjadi lebih menarik kerana persoalan tema kasih sayang ala 1Malaysia di antara watak-watak di dalam novel ini merentasi tiga bangsa utama di Malaysia. Watak utama, Julia, seorang Melayu berkahwin dengan seorang mualaf Cina, Jun, sebagai suaminya. Beliau juga mempunyai hubungan yang rapat dengan pembantu setianya Geena yang berbangsa India. Saya percaya dengan garapan yang menarik dalam novel ini, tema ini tentunya menjadi enak dibaca. Kasih sayang yang tidak mengenal sempadan menjadi satu tema yang perlu diketengahkan untuk perbincangan untuk menjadi pengajaran kepada kita semua terutamanya generasi muda. Di dalam novel ini, watak utama, Julia mempunyai kesediaan untuk memikul tanggungjawab diuji dengan penyakit kanser (ms 113).

Walaupun beliau bersedia untuk memikul tanggung jawab namun beliau tahu ianya perlu pengorbanan fizikal dan mental yang bukan sedikit. Pengorbanan ini akhirnya memberikan nikmat kemenangan dalam bentuk kepuasan dalam hidup ini di akhir penceritaan. Kasih sayang yang dicurahkan oleh ahli keluarga terdekat dan sanak saudara, memungkinan semua itu menjadi kenyataan (ms 175). Tanpa kasih sayang dari semua yang terlibat, penulis rasa tidak mungkin Julia mampu memikul beban kesengsaraan dari penyakit yang dihadapinya itu.

“Hubungan erat dengan saudara-mara kita disini, juga dengan orang kampung telah memberikan sumbangan

besar kepada tahap kesihatan mama. Anakku, hubungan baik kita dengan semua orang, ... membawa kebahagiaan kerana dengan berkasih sayang jiwa kita menjadi tenang ... mama bahagia sekali kerana ramai yang mengambil berat tentang diri mama” (ms 175).

Julia antara lain juga merujuk kepada pengobanan Mak Lang Ton yang menjaga bayinya semasa beliau pergi berubat dan pengorbanan Geena menguruskan perniagaannya semasa dia tidak mampu berbuat demikian. Persoalan kasih sayang ini juga merangkumi perkahwinan Julia dan Jun, suaminya. Bagi beliau kasih sayang tidak terhad sesama umat Islam, sebaliknya perasaan kasih dan sayang itu perlu diperluaskan kepada umat bukan Islam juga agar tujuan utam untuk kesejahteraan umat manusia tercapai.

“Anakku, ingatlah bahawa berkasih sayang, hormatmenghormati ialah asas akhlak dalam Islam, sesuatu yng perlu kita amalkan,tidak kira sesama Muslim atau sebaliknya” (ms 91).

Tambahan pula perkongsian melalui perkahwinan Julia dan Jun menurut Julai bukan hanya untuk memenuhi syariat Islam, tetapi ianya adalah satu perkongsian strategik ekonomi yang mendatangkan pulangan faedah ekonomi yang bukan sedikit.

“...perkahwinan mama dan abah bukan sekadar memenuhi syariat Islam, tetapi ia merupakan perkongsian pintar yang dapat memberi manfaat kepada ekonomi ummah” (ms 36).

Melalui perkahwinan Julia dan Jun, suami Julia berupaya meneroka pasaran di China dan Taiwan khususnya untuk projek homestay syarikat mereka di Kedah. Ini bagi Julia sangat bermakna untuk kelangsungan syarikat kerana kegagalan BMPRO Holdings akan mencerminkan pencapaian syarikat-syarikat Islam secara tidak langsung (ms 47).

b. Semangat juang tinggi / tidak mudah mengalah

Ini satu lagi tema atau persoalan yang sangat baik diperkatakan dari novel ini. Semangat tidak mudah mengalah tidak ada dalam diri semua orang. Semangat inilah yang patut dipupuk dalam diri setiap insan. Penulis berjaya memasukkan tema ini. Julia tahu semangatnya perlu kental dalam menghadapi dugaan penyakit yang dihadapi.

“Mama tidak mahu berputus asa kerana tercatat dalam alQuran bahawa orang yang berputus asa ialah orang yang putus daripada rahmat Allah” (ms 113).

Baginya penyakitnya itu merupakan “...penderitaan ialah tanda kasih sayang Tuhan dan merupakan pengampunan dosa untuk hambanya”(ms 58). Sikapnya yang tidak mudah mengalah akhirnya memberikan dia suatu kekuatan untuk meneruskan hidup walaupun berdepan dengan pelbagai dugaan. Akhirnya penyakit beliau sembuh melalui perubatan alternatif. Beliau sedar beliau tidak boleh cepat putus asa kerana ada perasaan tanggungjawab dirinya terhadap keluarga dan masyarakat sekeliling. Walaupun beliau sakit, namun itu tidak menghalang beliau dari terus memajukan koperasi untuk membantu pihak-pihak tertentu di Langkawi. Seheinggakan ada ketika beliau hampir putus asa kerana usaha mengadakan mesyuarat tidak dapat diadakan kerana penduduk kampung lebih suka menonton cerita Hindustan dari datang berbincang demi kebaikan diri mereka sendiri. Sedikit sebanyak penulis memasukkan unsur keseronokan yang sebatil dalam masyarakat Melayu yang mana telah menjadi sebahagian dari jati diri orang Melayu. Namun pembaca diberitahu bahawa watak utama tidak mengalah. Inilah yang kurangnya dalam ramai orang Melayu. Saya berpendapat inilah fakta yang mungkin penulis mahu tekankan.

“Pertemuan pertama gagal, kita teruskan dengan pertemuan kedua, ketiga, atau keempat, sehinggalah rancangan kita berjaya ...” (ms 153).

c. Persahabatan

Apalah erti sebuah persahabatan kepada sesetengah orang? Adakah ianya akan berterusan tanpa mengira keadaan? Atau ianya akan putus di tengah jalan kerana menghadapi sesuatu halangan? Bukti persahabatan Julia, watak utama dalam novel ini dengan Geena, pembantu peribadi merangkap sahabatnya adalah satu kisah yang agak unik juga untuk dibaca. Pengorbanan Geena melebihi sempadan seorang sahabat. Ini kita boleh hayati dari apa yang diperkatakan Julia mengenai usaha baik yang dilakukan Geena terhadapnya dan keluarganya. Persahabatan merentasi kaum inilah yang patut diketengahkan untuk menjadi teladan kepada generasi muda tanah iar. Yang paling manis dalam sesebuah persahabatan seperti Geena dan majikannya ini ialah Geena tidak pernah mengharap sesuatu sebagai timbale balas di atas kesetiannya sebagai seorang sahabat. Inilah kekuatan sebuah persahabatan yang suci dan mulia. Tidak pernah Geena meminta balasan di atas kesediaannya menjadi seorang sahabat yang setia.

“...Geena, engkau terlalu banyak berkorban untukku. Dan ... aku benar-benar berhutang budi kepadamu” (ms 212).

Sebagai seorang sahabat, Geena sanggup meneruskan usaha murni Julia di Pulau Langkawi semasa ketiadaan Julia pergi berubat (ms 59). Benarlah seperti apa yang diperkatakan oleh Julia,

“Geena, sesungguhnya persahabatan kita mengatasi hubungan antara pekerja dan majikan, justeru mengatasi sempadan bangsa dan agama.... Ketika keluarga mempunyai tanggapan negatif terhadap

diriku, engkau tetap memberi dorongan dan meneruskan tugas membantuku” (ms 196).

Atas usaha dan pengorbanan Geena, Julia sangat berharap Geena akan dikurniakan hidayah sebagai balasan budi baik Geena terhadap dirinya sampai ada kalanya “...mama rasa bersalah juga kerana mengarahkan dia melakukan pelbagai kerja tanpa mengira waktu” (ms 127). Ini terkandung dalam suratnya yang kesembilan:

“Mama tetap berdoa, satu hari nanti akan terpancar nur iman ke dalam diri Geena. Kalau dia sudah Islam, sempurnalah Geena sebagai gadis yang mempunyai segalagalanya – iman, peribadi mulia dan akhlak” (ms 127).

Persahabatan setia antara ketua atau majikan dengan pekerja sangat bermakna kepada kedua-dua pihak. Geena amat membantu Julia semasa susah dan senang. Manakala Geena meraih manfaat dari persahabatan dengan Julia melalui contoh yang ditunjukkan oleh Julia dalam melalui proses kehidupannya. Ini secara tidak langsung memberikan Geena hikmah kehidupan seorang yang beragama Islam. Dia akhirnya mendapat nur Islam sepertimana yang diharapkan oleh Julia. Penghargaan yang paling tinggi bagi Geena dari Julia ialah apabila dia membaca permintaan Julia agar sudi dikahwini oleh Jun sekiranya dia tidak dapat dirawat lagi. Julia mahu Geena menjadi pengganti kepada Puteri sebagai seorang ibu. Ini adalah suatu penghargaan yang paling istimewa sebagai seorang sahabat.

PENUTUP

Novel *Sayangku Puteri* agak unik dari segi persoalan dan tema yang dikemukakan kepada pembaca. Walaupun pada mulanya ianya seakan-akan tema-tema dan persoalan yang agak klise atau biasa dilihat dalam novel-novel yang berada di pasaran, namun garapan dan cara penceritaan penulis membuatkan ianya agak menarik

untuk dibincangkan dan diperhalusi. Percaturan penulis untuk menggabungkan watak-watak yang mencerminkan gagasan 1Malaysia berjaya menghidupkan perjalanan plot. Tambahan pula, ianya juga menjadi salah satu daya tarikan untuk membaca karya Abu Hasan Morad ini. Teknik pembikaaian cerita yang digunakan oleh penulis menambahkan lagi sebab mengapa pembaca akan terpicat untuk terus membaca novel ini.

RUJUKAN

Abu Hasan Morad. (2005). *Sayangku Puteri*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Austen, J. (1995). *Pride and prejudice*. (Paperback Classic Edition) London: Wordsworth Editions Ltd.